

Semangat membantu tiga siswazah institusi pengajian tinggi SIM-Universiti London (UOL) menerusi Program Bantuan Pembelajaran Rakan Pelajar (PAL) memberi mereka peluang memperkasa diri sambil menyalur khidmat kemasyarakatan. Dua daripada mereka pun sudah memiliki kerjaya tetap.

Seorang lagi merebut peluang bekerja sambil belajar kerana menanti masa mengambil kursus sarjana.

Mereka yang menutup tirai pengajian minggu lalu dengan ijazah kepujian kelas pertama berkongsi kisah dengan wartawan **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg).

# Semangat Kelas Pertama

**KEKECEWAAN** Cik Shafikah Shaikh Salim atas keputusan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'A' yang diterima lima tahun lalu terubat jua tahun ini.

Minggu lalu, beliau menutup tirai pengajian kursus ijazah sarjana muda sains dalam bidang perniagaan dan pengurusan SIM-Universiti London (UOL) dengan kepujian kelas pertama.

Cik Shafikah, 23 tahun, bekas pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah mengikuti program ijazah itu di kampus SIM Global Education (SIM GE).

Ketika ditemui di pejabat *Berita Harian*, anak bongsu dalam keluarga tiga beradik itu berkata:

"Saya cukup hampa apabila segala usaha yang saya laburkan buat peperiksaan GCE peringkat 'A' tidak berhasil.

"Tambah pula, saya mengambil peperiksaan itu secara sendiri kerana lima subjek sekular yang diambil tidak ditawarkan di madrasah.

"Setelah mendapat keputusan, saya menghadapi kesulitan menentukan laluan pendidikan seterusnya.

"SIM-UOL kemudian menjadi pilihan kerana saya menyenangi suasana pembelajaran yang meriah dengan kegiatan pelajar dan peluang bagi siswa mengasah kemahiran kepimpinan dan komunikasi."

Dengan pencapaian ijazah kelas pertama dan tawaran pekerjaan yang diterima sebelum peperiksaan tahun akhir Mac tahun lalu, Cik Shafikah rasa segala stigma yang membelenggu mutu pembelajaran di universiti swasta dapat dikikis.

"Saya mula memikirkan cara memperbaiki diri. Saya aktif dalam bermacam kegiatan bagi memastikan sekurang-kurangnya saya boleh berdiri sama tinggi dengan mahasiswa universiti terulung di sini," kongsi.

Setelah meraih bimbingan menerusi Program Bantuan Pembelajaran Rakan Pelajar (PAL) pada tahun pertama pengajian, beliau terdorong menjadi pemimpin skim itu apabila masuk tahun kedua.

"Saya terkesan dengan usaha pembimbing pada waktu itu yang mendekati saya dan menjadi teman yang memahami apa jua kesukaran dihadapi dalam pelajaran. Beliau menerapkan kemahiran belajar yang berkesan dalam diri saya.

"Justeru, pada tahun selanjutnya, saya sendiri bergelar pemimpin agar saya boleh berkongsi ilmu perakaunan dengan siswa baru," katanya.

Beliau juga aktif sebagai pengarah pembangunan kajian di Persatuan Perakaunan SIM dan terlibat dalam program Mentor Rakan Pelajar yang disediakan kampus.

"Persatuan Perakaunan SIM ibarat jambatan yang menghubungkan siswa dengan karyawan atau badan perakaunan bertauliah. Banyak perkongsian dan kerjasama dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau mula bertugas sebagai pegawai cukai bersekutu di Jabatan Khidmat Mobiliti Sejagat syarikat PwC Singapore pada 23 Julai tahun lalu selepas tamat peperiksaan.

Antara tugasnya adalah menyediakan nasihat runding cara berstrategi kepada syarikat berbilang negara (MNC) berhubung isu mobi-



**LULUSAN CEMERLANG:** Tiga siswazah SIM-Universiti London – (dari kiri) Encik Muhammad Khalis Shari, Cik Shafikah Shaikh Salim dan Encik Abdul Hakeem Akbar Ali – bukan hanya berjaya meraih keyakinan diri malah berpeluang membantu siswa lain mengatasi kelemahan dalam sesuatu modul menerusi Program Bantuan Pembelajaran Rakan Pelajar (PAL). – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

liti seperti perancangan dan penyusunan cukai pekerjaan merentas sempadan.

"Saya tentunya gembira dan bersyukur apabila ditawarkan pekerjaan ini.

"Jika awalnya saya bercita-cita menjadi guru, nampaknya saya beralih arah dan mula menyenangi dengan kerjaya baru saya ini.

"Buat masa ini, tumpuan saya adalah membangun kerjaya dengan mengikuti kursus pentauliah lain yang bersangkutan dengan tugas ini," ujarnya.

Sepanjang tempoh belajar di SIM-UOL, beliau menerima tiga

anugerah – Anugerah Impetus sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian dan sumbangan kepada Persatuan Perakaunan SIM; Anugerah Gangsa sebagai pelajar contoh program UOL; dan Anugerah SIM GE Edge, berupa sijil kecemerlangan yang diberi dengan kerjasama majikan sebagai mengiktiraf pencapaiannya dalam pelajaran.

"Saya kira, jika mahu berjaya, anda bukan sahaja perlu rajin menghadiri kuliah, malah berusaha mengembangkan kegiatan dalam persatuan pelajar.

"Ini akan memperkasa diri anda serta menambah baik portfolio bagi kegunaan pekerjaan," ujarnya.

## Siswazah berjiwa masyarakat

**KEGELISAHAN** pernah menyaluti jiwa Encik Abdul Hakeem Akbar Ali beberapa tahun lalu setelah tiga hari tidak dapat tidur.

Tekanan darahnya meningkat. Ibu bapanya bimbang hingga ingin memanggil ambulans bagi menghantarnya ke hospital pada dinihari.

Mujur Encik Abdul Hakeem, kini 25 tahun, mampu mengatasi cabaran itu, berbekalkan semangat enggan mengecewakan ibu bapa yang telah banyak berkorban buat masa depannya.

Minggu lalu, beliau menutup tirai pengajian dengan kepujian kelas pertama bagi kursus ijazah sarjana

"... Saya sedar saya perlu melakukan sesuatu agar masa depan lebih cerah. Saya teringat ibu yang selalu kata 'Kau boleh berjaya asal sahaja rajin... antara hendak dengan tidak saja...'

– Encik Abdul Hakeem Akbar Ali.

muda sains dalam bidang ekonomi dan politik institusi SIM-Universiti London (UOL).

Anak kedua dalam keluarga tiga beradik itu juga meraih Anugerah Emas SIM dan Anugerah Pencapaian Akademik UOL kerana muncul siswazah terbaik kohortnya.

Ketika ditemui di pejabat *Berita Harian*, Encik Abdul Hakeem, yang juga pemegang Diploma Teknologi Maklumat Perniagaan Politeknik Temasek (TP), berkata:

"Terus terang saya kata, sewaktu di politeknik dan sekolah menengah, saya tidak begitu prihatin tentang pelajaran. Asal lulus sahaja, saya lega.

"Namun, sewaktu menjalani Perkhidmatan Negara (NS), saya sedar saya perlu melakukan sesuatu agar masa depan lebih cerah.

"Saya teringat ibu yang selalu kata 'Kau boleh berjaya asal sahaja rajin... antara hendak dengan tidak saja...'

"Apabila diterima masuk ke SIM-UOL, saya payah menyesuaikan diri atau mendapat momentum belajar agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Disebabkan itulah, tekanan terasa sampai payah tidur dan dilanda serangan serba gelisah."

Beliau berkongsi bahawa memilih program ekonomi dan politik didorong keinginan memahami konsep ekonomi dalam kehidupan harian.

Dengan sukatan pendidikan padat, beliau mengetepikan empat jam bagi menelaah pengajian seorang diri setiap hari.

Sungguhpun begitu, dalam kesibukan melaksanakan kerja sekolah, beliau tidak melupakan amanah menyalur kebajikan buat rakan lain yang memerlukan.

Atas usulan teman, Encik Abdul Hakeem menjadi pemimpin Program Bantuan Pembelajaran Rakan Pelajar (PAL) bagi modul makroekonomi selama setahun.

"Saya tidak menyesali penglibatan saya dalam PAL kerana saya seronok berkongsi pengalaman, menyelaras perbincangan dan memperjelas konsep yang tidak difahami pelajar yang baru memasuki SIM-UOL.

"Alhamdulillah, lima orang mendapat grad 'A' bagi modul tersebut – bukan atas usaha saya, tetapi kesungguhan mereka menghadam konsep yang dikongsi," tambahnya.

Beliau kini bertugas di sayap penyelidikan AMP, Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), sebagai penolong kajian.

Seterusnya, beliau akan meneruskan pengajian ke peringkat sarjana bidang ekonomi politik antarabangsa di Sekolah Ekonomi dan Sains Politik London (LSE) September ini.